

BULETIN



JSG 2026

Sorotan Sepanjang 2025

Anugerah . Aktiviti . Akademik . Komuniti



ISI KANDUNGAN

Dari Meja Koordinator	01
Amanah baharu pensyarah JSG	02
Penulisan & Penerbitan	03
Penyelidikan	06
Perundingan & Kepakaran	08
Membina penyelidik masa hadapan	13
Program internship	18
Pencapaian cemerlang JSG dalam merealisasikan perancangan strategik UiTM	21
Inovasi P&P	23
Memacu Inovasi Berimpak Tinggi	28
Pengajaran Kolaboratif JSG	33



Perjumpaan Bersama Penasihat Akademik & Pelajar	46
Majlis Apresiasi & Jamuan Raya 2026	48
Hari Inovasi 2025 & Citation Award	50
Team Building Akrab JSG 2025	53
Program Santai makan-makan unit Fizik	55
Bengkel Penulisan Jurnal Pendidikan	57
Bengkel Mendeley	60
Bengkel Bibliometrik Ke arah penerbitan berindeks & berimpak	62
Program Technology Preview & Showcase (TPS)	65
Bengkel Inovasi Penulisan Akademik Dengan Kecerdasan Buatan (AI)	67



Pengajaran Kolaboratif PHY 145- Fizik Kejuruteraan	36
Pengajaran Kolaboratif - Transformasi Pedagogi Fizik: Integrasi Industri dan Inovasi Gamifikasi Fundamental Physics I (PHY130) Thermodynamics.	38
Pengajaran Kolaboratif -ENT300: Fundamentals of Entrepreneurship – “Financial Plan: Step by Step”	40
Pengajaran Kolaboratif -CHM012: Electrochemistry	43
Pengajaran Kolaboratif -Organic Chemistry for Environmental Health	45



Misi Akademik ke Flat Mutiara Idaman Jelutong	69
Misi Akademik Ekspo Selangkah ke UiTM (JSG)	71
FIZIK @Padang Warisan	72
Stem Grooming Camp “Smart City Challenge”	74
Dari sekolah ke kampus: Lawatan SMK Tun Fatimah Hashim ke JSG	76
Critical Thinking: Fikir, reka dan bina	78
Sinar Kasih 2.0: perkongsian ilmu dan rezeki	80
Free Market 9.0 Raya Bergaya	84
MASMED Di Hari Bertemu Pelanggan BHEP 2025	85
TUNAS MADANI 2025	87
KARISTA 2025	90
Sambutan Hari & Bulan Akademia 2025	95
Quran Hour 2025	97

PROGRAM TECHNOLOGY PREVIEW & SHOWCASE (TPS) ANJURAN AGENSI NUKLEAR MALAYSIA

Inisiatif promosi bersasar bagi memperkenalkan khidmat dan produk penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia

Haslinda Abdul Hamid, Azrinawati Mohd Zin

Pada 13 Oktober 2025, satu program berimpak tinggi iaitu Program Promosi Bersasar: Technology Preview & Showcase 2025 (TPS 2025) anjuran Agensi Nuklear Malaysia telah berlangsung di Baba & Nyonya Ballroom, Hotel Ixora, Perai, Pulau Pinang. Program yang diadakan dari pukul 8.30 pagi hingga 5.00 petang ini merupakan sebahagian daripada inisiatif promosi bersasar bagi memperkenalkan pelbagai khidmat dan produk penyelidikan Agensi Nuklear Malaysia kepada Kerajaan Negeri, pihak industri, penyelidik, institusi pendidikan tinggi serta pemegang taruh di negeri-negeri Zon Utara Semenanjung Malaysia. Perasmian program telah disempurnakan oleh YBrs. Ts. Dr. Ishak bin Mansor, Timbalan Ketua Pengarah (Program Penyelidikan & Pembangunan Teknologi) Nuklear Malaysia.

Program ini telah dihadiri oleh Koordinator Jabatan Sains Gunaan (JSG), Dr. Azrinawati, bersama Dr. Haslinda sebagai wakil akademik dari UiTM Cawangan Pulau Pinang. Kehadiran delegasi ini bertujuan untuk meninjau peluang kerjasama penyelidikan serta memahami perkembangan terkini dalam aplikasi teknologi nuklear yang memberi manfaat kepada masyarakat dan sektor industri. Program TPS 2025 ini menampilkan pelbagai pembentangan teknologi serta pameran hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang merangkumi beberapa bidang utama seperti perindustrian, pembuatan, pertanian, agroteknologi, alam sekitar, keselamatan dan kesihatan sinaran, pengurusan sisa radioaktif serta kejuruteraan nuklear. Selain itu, turut diketengahkan usaha pengkomersialan teknologi yang dibangunkan bagi memastikan inovasi tersebut dapat dimanfaatkan secara meluas oleh industri dan masyarakat.

Program ini membuka ruang jaringan profesional antara penyelidik, pegawai agensi kerajaan, wakil industri serta ahli akademik melalui sesi pameran interaktif dan padanan perniagaan. Melalui sesi tersebut, para peserta dapat bertukar pandangan serta mengenal pasti potensi kerjasama penyelidikan dan pembangunan teknologi pada masa hadapan. Penyertaan dalam program seperti ini amat penting bagi memastikan

institusi pendidikan tinggi sentiasa selari dengan perkembangan teknologi terkini. Ia juga memberi inspirasi kepada para penyelidik untuk meneroka penggunaan teknologi nuklear dalam pelbagai bidang penyelidikan, termasuk pemantauan pencemaran alam sekitar dan pembangunan teknologi analisis yang lebih maju. Secara keseluruhannya, program TPS 2025 ini berjaya menjadi platform penting dalam mempromosikan inovasi teknologi nuklear kepada masyarakat serta memperkukuhkan kerjasama antara agensi kerajaan, industri dan institusi akademik. Diharapkan lebih banyak program seumpama ini akan dianjurkan pada masa hadapan bagi mempercepatkan pemindahan teknologi serta meningkatkan impak penyelidikan kepada pembangunan negara.



Hakmilik © 2026 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA
Cawangan Pulau Pinang, Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik, fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.

Diterbitkan pada 1 APRIL 2026
UNIT PENERBITAN JABATAN SAINS GUNAAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

